

**SESI MUZAKARAH ANTARA  
KEMENTERIAN TENAGA DAN  
YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA  
2021**

**Ucapan Alu-Aluan  
Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.  
Awang Haji Mat Suny Bin Haji Md. Hussein  
Menteri Tenaga**

**West Wing Conference Room, Level 1, PMO Complex**

**Khamis, 11hb Februari 2021**

**9.00 pagi**

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-  
Asyarafil Anbiya'e Wal Mursalin Saidina Muhamadin Wa'ala  
Alihi Wasahbihi Ajma'in

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji  
Osman selaku Ketua Rombongan;

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin  
Sokiaw, Timbalan Menteri Tenaga;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Mulia Setiausaha Tetap dan Yang Mulia Timbalan  
Setiausaha Tetap;

Hadirin dan Hadirat yang peramba / kaola / saya hormati  
sekalian;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam  
sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala,  
kerana di atas limpah kurnia dan izinNya juga, kitani dapat  
berjumpa lagi di Sesi Muzakarah antara Kementerian

Tenaga dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

2. Terlebih dahulu peramba / kaola / saya sekali lagi merakamkan rasa penghargaan kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri sesi muzakarah dan lawatan bersama Kementerian Tenaga. Peramba / kaola / saya berharap bahawa Sesi Muzakarah ini akan terus menjadi sebuah wadah dialog yang aktif dan berkesan untuk memetik buah fikiran dan kekayaan pengalaman serta maklumbalas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

### **[*Pelan Strategik Kementerian 2020 - 2025*]**

3. Ke arah menjunjung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, peramba / kaola / saya dengan berbesar hati ingin mengongsikan Pelan Strategik Kementerian Tenaga 2020 – 2025 yang telah diedarkan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini. Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam Pelan Strategik ini adalah istimewa dan khas buat pembesar-pembesar negara yang termasuk Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara sendiri dengan mengambilkira ianya adalah perancangan yang

terperinci dan terhad bagi rujukan pihak dalaman Kementerian ini. Pelan Strategik ini dihasilkan ke arah mendukung dan mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035, dan juga dengan menerapkan nilai-nilai Maqasid Syar'iah dalam semua bentuk urustadbir Kementerian Tenaga.

4. Pelan Strategik ini merangkumi Visi dan Misi Kementerian bagi memimpin dengan lebih terarah perkembangan sektor tenaga yang terdiri daripada Sektor Minyak dan Gas huluan (*upstream*), pertengahan (*midstream*), dan hiliran (*downstream*); Tenaga diperbaharui; Tenaga alternatif dan kuasa elektrik yang menitikberatkan impak kepada sosio-ekonomi, penjanaan pekerjaan dan kesejahteraan orang ramai bagi jangka-masa pendek, sederhana dan panjang:

Visi Kementerian adalah: “**Tenaga yang mampan dan berpelbagai bagi pertumbuhan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam**”;

Manakala Misi Kementerian adalah: “**Menerajui sektor tenaga yang dinamik, boleh dipercayai, selamat dan inovatif bagi perkembangan sosio-ekonomi dan rakyat**”.

## **[Landscape Sektor Tenaga Semasa]**

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

5. Alhamdulillah, walaupun tahun 2020 telah berlalu dengan penuh cabaran dan dugaan, akan tetapi terdapat juga banyak kejayaan yang telah kita capai bersama. Dalam persekitaran harga minyak global yang tidak menentu, Negara telah terus menegakkan komitmennya ke atas pengeluaran tenaga huluan dan menepati tanggungjawab pengeksportannya kepada pembeli-pembeli minyak mentah dan gas asli cecair.
6. Transformasi sektor minyak dan gas Negara Brunei Darussalam sudah bermula dengan perkembangan industri tenaga hiliran. Antaranya, loji penapisan minyak dan petrokimia Pulau Muara Besar yang sudah beroperasi sepenuhnya sejak November 2019 dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 175,000 tong minyak mentah sehari, dan sumbangaan pengeksportan yang bernilai kira-kira USD 3 billion.
7. Lebih-lebih lagi, pada tahun 2020, Negara Brunei Darussalam menjadi rakan kongsi bersama Negara Jepun bagi Projek Demonstrasi Rangkaian Bekalan Hidrogen Global pertama, yang dikenali sebagai AHEAD (Advanced

Hydrogen Energy Chain Association for Technology Development). Sepanjang perlaksanaannya pada tahun 2020, projek ini telah membuktikan kebolehan teknologi pengangkutan tenaga hidrogen pada suhu atmosfera, melalui pengangkutan konvensional merentas laut. Dalam jangka masa panjang, adalah diharap tenaga hidrogen ini akan dapat mencapai harga yang optima, agar ia boleh digunakan sebagai salah satu sumber tenaga alternatif yang bersih.

### **[Perancangan Masa Depan]**

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Sudah lebih daripada sembilan puluh (90) tahun sejak permulaan aktiviti komersial di dalam sektor minyak dan gas. Tahun 2022 menandakan lima puluh (50) tahun sejak ketibaan Kargo Gas Cecair Asli (LNG) pertama dari Negara Brunei Darussalam ke Jepun. Sektor minyak dan gas sudah lama matang dan tiba masanya untuk membentuk landskap tenaga baharu yang sesuai dengan pergerakan digitalasi dan peralihan bersih sedunia.
  
9. Negara Brunei Darussalam akan meneruskan aktiviti penerokaannya di kawasan laut dalam ataupun *Deepwater*. Penglibatan Negara ke dalam bidang ini akan membawa

kepakaran dan kemampuan yang khusus. Penerokaan tersebut diharap akan membekalkan isipadu gas dan minyak mentah yang baru, bagi mendorong lagi pertumbuhan ekonomi negara.

10. Permintaan gas cecair asli sedunia telah menyusut sebanyak lapan (8) peratus (8%) pada tahun 2020, namun pemulihan ekonomi di negara-negara Eropah dan Asia Tenggara dijangka akan bergantung kepada sumber tenaga tersebut. Sebagai perintis dalam pengeluaran gas cecair asli serantau, Negara Brunei Darussalam akan terus menerokai kaedah untuk meningkatkan operasi loji Brunei LNG untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai pembekal yang terjamin.
11. Antara fokus Kementerian Tenaga juga adalah ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu pusat industri tenaga hiliran di pasaran serantau. Seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah lawati pada hari Rabu yang lepas, sebuah industri baharu iaitu Brunei Fertilizer Industries (BFI) akan mula beroperasi pada suku ketiga tahun ini. Projek tersebut, InsyaAllah, akan menambah lagi pengeluaran sektor hiliran negara.

12. Kemajuan sektor tenaga negara akan menyediakan peluang perniagaan melalui *Spin-Off* sektor tenaga huluan, hiliran dan kuasa elektrik, yang boleh memberi manfaat kepada pengusaha-pengusaha tempatan di antaranya dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan. InsyaAllah usaha Kementerian ini dalam memusatkan pertumbuhan sektor *Spin-Off* industri tenaga diharap akan menyumbangkan kepada penyelesaian isu pengangguran dikalangan enam ribu (6,000) orang graduan tempatan yang ada pada tiap tahun.
13. Antara *Spin-Off* yang sudah dikenalpasti adalah aktiviti *Decommissioning and Restoration (D&R)* bagi penutupan dan pemulihan kemudahan-kemudahan dan tapak-tapak yang sudah lama di dalam sektor minyak dan gas. Selain daripada kesan ekonomi yang positif dari aktiviti tersebut, ianya akan menggalakkan pengurusan selamat aset-aset yang lama, termasuk pemeliharaan alam sekitar dan keselamatan orang ramai.
14. Pertumbuhan sektor tenaga huluan dan hiliran ini adalah dirancang seimbang dengan perkembangan tenaga hijau bagi memastikan masa depan yang mampan bagi Negara kita. Seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah saksikan semasa lawatan ke Tenaga Suria Brunei (TSB),

tenaga solar telah dibuktikan sebagai satu sumber tenaga bersih yang berpotensi tinggi. Pemeliharaan khazanah dan imej hijau Negara adalah penting dalam pembinaan tapak solar yang berskala lebih besar. Kementerian Tenaga akan mempertimbangkan teknologi-teknologi tenaga suria seperti *Floating Solar* dan *Solar Rooftop*, supaya kawasan hutan simpan Negara adalah terus terjaga dan tidak terjejas.

15. Dalam memajukan lagi hasrat untuk membangunkan tenaga hijau di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Tenaga berkerjasama rapat bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui *Electric Vehicles Joint Task Force (EVJTF)*, untuk menyediakan dasar dan infrastruktur bagi kegunaan Kenderaan Elektrik (Electric Vehicles – EVs). Pengenalan EVs di pasaran domestik insyaAllah akan membolehkan rakyat untuk memilih mod pengangkutan yang lebih effisien dari segi penggunaan tenaga dan pengurangan *carbon footprint* kehidupan harian orang ramai. InsyaAllah, Kementerian ini akan meneruskan usahanya dalam mempromosikan penggunaan tenaga yang lebih cekap kepada semua lapisan masyarakat.

16. Seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tahun 2021 ini adalah giliran Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN (ASEAN Summit). Bertemakan '*We Care, We Prepare, We Prosper*', ianya mengetengahkan hal ehwal kesejahteraan rakyat ASEAN dan kesediaan serantau dalam menangani bersama apa sahaja cabaran. Kementerian Tenaga juga akan berpeluang untuk menjadi pengerusi mesyuarat '*ASEAN Ministers on Energy Meeting*' (AMEM). Sebagai pengerusi, keutamaan Kementerian Tenaga adalah untuk menerajui inisiatif-inisiatif yang membolehkan negara-negara ASEAN menjadi lebih bersedia dalam memelihara kedayatahan sektor tenaga serantau.

## [Penutup]

17. Ke arah merealisasikan semua keutamaan-keutamaan yang telah peramba / kaola / saya kongsikan, Kementerian Tenaga akan selalu menitikberatkan pembangunan nilai di dalam negeri dan anak-anak tempatan. Pihak Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya serta badan-badan berkaitan dengannya akan terus memberi komitmen ke arah usaha ini, bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.
18. Dalam pada itu, untuk membawa selangkah lebih dekat lagi kepadanya, peramba / kaola / saya amat mengharapkan buah fikiran dan tindakan bersama (*joint action*) dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara agar menjamin kesinambungan bangsa dan Negara yang berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB) disemua peringkat dalam agenda pembangunan Negara. Sumbangan dan kerjasama melalui pendekatan *Whole-of-Nation*, InsyaAllah, akan mendatangkan kemakmuran dan kesan positif terhadap ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan Negara.

19. Semoga kita terus bertawakal dan sentiasa diberi petunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.
20. Dalam pada itu, dengan penuh hormat dan takzim sukacita peramba / kaola / saya ingin menjemput dan mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman selaku Ketua Rombongan, untuk menyampaikan kata-kata aluan sebelum pihak kementerian ini mengongsikan lagi mengenai usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini selanjutnya.
21. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.